



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN MAKMAL DAN BENGKEL
KOD KURSUS	:	BBT 30603
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB <b>LIMA (5)</b> SOALAN SAHAJA DARI <b>TUJUH (7)</b> SOALAN YSNNG DISEDIAKAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

**S1** Pengurusan merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia dan hubungannya dengan persekitaran. Pengetahuan mengurus pula telah lama diaplikasikan berzaman dahulu lagi. Ini terbukti dengan terciptanya pembinaan tujuh keajaiban dunia dan beberapa keindahan ketamadunan masa lalu yang lainnya. Di samping itu, terdapat dua (2) pendekatan utama kepada pengurusan iaitu pendekatan yang melihat sains pengurusan sebagai satu proses dan pendekatan yang melihat sains pengurusan sebagai satu sistem.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan? (3 markah)

(b) Terangkan sejarah pengurusan saintifik. (7 markah)

(c) Huraikan secara terperinci satu pendekatan pengurusan yang disebutkan di atas. (10 markah)

**S2** Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) merupakan satu usaha yang dilaksanakan secara berterusan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam maupun swasta. Ia adalah satu proses pengurusan yang berorientasikan pelanggan, dilaksana dan dipertingkatkan usaha secara berterusan serta melibatkan semua aspek operasi dan gerak kerja di dalam sesebuah organisasi.

(a) Senaraikan tiga (3) daripada ciri-ciri TQM. (3 markah)

(b) Terangkan strategi penambahbaikan berterusan TQM secara terperinci. (7 markah)

(c) Huraikan lima (5) daripada prinsip amalan TQM untuk sesebuah organisasi. (10 markah)

**S3** Pengurusan keselamatan makmal bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan dalam masa yang sama mengurangkan kerugian. Ia merupakan kaedah atau cara yang bersistematik untuk melindungi harta atau aset dari bencana. Umumnya, keselamatan di makmal boleh dikelaskan kepada tiga kategori iaitu keselamatan diri, keselamatan mesin dan peralatan serta keselamatan persekitaran makmal.

Jelaskan secara terperinci ruang lingkup setiap kategori keselamatan tersebut.

(20 markah)

- S4** Anda adalah seorang guru pakar dan telah ditugaskan untuk mengendalikan sebuah makmal atau bengkel yang dikhususkan untuk melahirkan tenaga kerja dengan kemahiran SKM tahap 2. Sehubungan itu, anda kehendaki merekrut tenaga pengajar yang sesuai untuk membantu anda mengendalikan pelbagai jenis latihan kepada pelajar terlibat.
- (a) Nyatakan empat (4) ciri-ciri calon pilihan anda bagi mengisi jawatan tersebut?  
(6 markah)
- (b) Terangkan kenapa setiap ciri-ciri tersebut menjadi syarat anda.  
(8 markah)
- (c) Huraikan Akta Pampasan Tenaga kerja 1952, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Keselamatan Sosial Tenaga kerja 1969 dengan menghubungkaitkan satu tingkahlaku atau aktiviti pekerja yang dilindungi akta tersebut berbanding ciri-ciri pilihan anda.  
(6 markah)
- S5** (a) Keperluan kepada susunatur di dalam makmal dapat dikelaskan kepada empat (4) jenis iaitu pembinaan makmal baru, membahagi atau merombak semula peralatan sedia ada, menyusun atur semula susunan sedia ada dan perubahan kecil kepada sesuatu susun atur sedia ada.
- Terangkan maksud sebenar bagi setiap jenis keperluan susunatur tersebut.  
(10 markah)
- (b) Tiga (3) pendekatan susun atur lazim dan boleh dijadikan rujukan asas di dalam menyusun mesin dan peralatan di dalam makmal ialah susun atur mengikut keluaran, susun atur mengikut proses dan aktiviti serta susun atur mengikut kedudukan tetap.
- Perincikan konsep dan ciri-ciri bagi setiap pendekatan tersebut.  
(10 markah)